



**KETUA PENGARAH**  
**Unit Pemodenan Tadbiran Dan**  
**Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)**  
**Jabatan Perdana Menteri**  
Aras 6, Blok B2  
Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**MAMPU**

Tel : 603-8000 8000  
Faks : 603-8888 3163  
Portal Rasmi : [www.mampu.gov.my](http://www.mampu.gov.my)  
Email : [kp@mampu.gov.my](mailto:kp@mampu.gov.my)

MAMPU.600-1/8/3 ( 2 )

12 Ogos 2015

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri /Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan

**PELAKSANAAN PENILAIAN RISIKO KESELAMATAN MAKLUMAT**  
**MENGGUNAKAN MyRAM App. 2.0 DI AGENSI SEKTOR AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan, Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2000 – Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan bertarikh 1 Oktober 2000, antara lain menerangkan tugas dan tanggung jawab Ketua Jabatan untuk melaksanakan aktiviti penilaian risiko keselamatan maklumat.

3. Di samping itu, garis panduan keselamatan ICT *Malaysian Public Sector Management of Information and Communications Technology Security Handbook (MyMIS)* juga telah dikeluarkan pada 15 Januari 2002 bagi menyokong pelaksanaan Rangka Dasar tersebut.

**BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI**



4. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan juga, Kerajaan turut mengeluarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 2005 – Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam bagi menjelaskan cara melaksanakan penilaian risiko keselamatan maklumat. Salah satu kaedah yang disarankan adalah *The Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment Methodology* (MyRAM).

5. Bagi memudahkan penilaian risiko melalui kaedah MyRAM, MAMPU telah membangunkan MyRAM App. pada tahun 2010. Aplikasi ini dipertingkatkan kepada MyRAM App. 2.0 pada tahun 2015 dengan mengikut perubahan dan keperluan amalan baik standard sistem pengurusan keselamatan maklumat terkini.

6. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan dimohon untuk mengambil tindakan **menggunakan MyRAM App. 2.0** di Jabatan masing-masing sekurang-kurangnya **sekali dalam setahun** agar Jabatan memperoleh gambaran mengenai tahap keselamatan maklumat dan seterusnya mengambil langkah-langkah mengurang atau mengawal risiko. Pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan boleh memuat turun manual pengguna MyRAM App. 2.0 melalui:

- a) Portal MAMPU di <http://www.mampu.gov.my>; dan
- b) Sistem MyRAM di <https://myram.mampu.gov.my>.

7. Bagi menjayakan pelaksanaan MyRAM App. 2.0, pentadbir sistem dan pengguna biasa sistem di agensi perlu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing seperti dinyatakan dalam Lampiran 1.



8. Sebarang pertanyaan mengenai MyRAM App. 2.0 atau permohonan untuk keterangan lanjut, boleh ditujukan kepada:

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia  
(MAMPU)

Jabatan Perdana Menteri

Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faksimili : 03-8000 8001

Alamat Emel : [myram@mampu.gov.my](mailto:myram@mampu.gov.my)

Sekian. Terima kasih.

**“BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)**

s.k.

**YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa**

Ketua Setiausaha Negara

Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Aras 4, Blok Timur

Bangunan Perdana Putra

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

**PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENTADBIR SISTEM  
DAN PENGGUNA BIASA SISTEM DI AGENSI BAGI  
PENGUNAAN MyRAM App. 2.0**

(1) Pentadbir Sistem

- (i) Memohon dan Mendaftar Akaun;
  - (a) Mengisi Borang Permohonan Daftar Akaun Admin MyRAM App. 2.0 yang boleh diperolehi daripada Pentadbir MyRAM App. 2.0 MAMPU melalui emel [myram@mampu.gov.my](mailto:myram@mampu.gov.my). Borang yang telah lengkap hendaklah dikembalikan kepada Pentadbir MyRAM App. 2.0 MAMPU untuk proses pendaftaran Pentadbir MyRAM App. 2.0 agensi pelaksana.
  - (b) Emel maklumat katalaluan sementara akan dihantar kepada Pentadbir MyRAM App. 2.0 agensi pelaksana dan katalaluan sementara perlu ditukar dengan menggunakan browser Google Chrome di <https://myram.mampu.gov.my>.
- (ii) Mengurus pendaftaran projek agensi di dalam sistem;
- (iii) Mengurus penambahan, pengemaskinian dan penghapusan pengguna MyRAM App. 2.0 di agensi;
- (iv) Mengurus penambahan, pengemaskinian dan penghapusan Pasukan MyRAM agensi di dalam sistem;
- (v) Bertindak sebagai *contact person* dan menerima sebarang maklumat berkenaan MyRAM App. 2.0 daripada MAMPU untuk dimaklumkan kepada pengguna lain di agensi;
- (vi) Menjaga maklumat yang disimpan di dalam sistem dan tidak menyalahgunakan akses yang diberikan; dan
- (vii) Memaklumkan sebarang ralat atau masalah berkaitan sistem kepada Pasukan MyRAM App. 2.0 MAMPU melalui e-mel [myram@mampu.gov.my](mailto:myram@mampu.gov.my).

(2) Pengguna Biasa Sistem

- (i) Menjaga maklumat yang disimpan di dalam sistem dan tidak menyalahgunakan akses yang diberikan;
- (ii) Mengambil maklum sebarang makluman mengenai sistem daripada Pentadbir MyRAM App. 2.0 Agensi; dan
- (iii) Memaklumkan sebarang ralat atau masalah berkaitan sistem kepada MAMPU melalui e-mel [myram@mampu.gov.my](mailto:myram@mampu.gov.my).